

# 'Khidmat Rafidah masih diperlukan kerajaan'

15/12/2006

**P**UTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menjelaskan, Datuk Seri Rafidah Aziz dikekalkan sebagai Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) berdasarkan pengalaman dan kepakarannya menarik pelaburan ke negara ini serta kemampuan mengendalikan perundingan perdagangan di peringkat global.

"Saya masih memerlukan pengalaman dan kebolehannya untuk memimpin Miti kerana apa yang kita akan laksanakan bermula tahun ini adalah meningkatkan pelaburan.

"Di peringkat antarabangsa, Rafidah adalah antara menteri perdagangan paling lama berkhidmat.

"Khidmatnya diperlukan berikutan rancangan Malaysia untuk meningkatkan kerjasama perdagangan dan pelaburan bagi mewujudkan kerjasama dalam perjanjian perdagangan bebas (FTA)," katanya pada sidang akhbar mengumumkan rombakan Kabinet di sini, semalam.

Perdana Menteri ditanya mengapa beliau mengekalkan beberapa menteri kanan, terutama yang sudah berkhidmat lebih 20 tahun. Apabila be-

liau bertanya siapakah menteri yang dimaksudkan itu, nama Rafidah disebut.

Rafidah 62, dilantik Timbalan Menteri Kewangan pada 1977 dan kemudiannya sebagai Menteri Perusahaan Awam pada 1980 sebelum menjadi Menteri Perdagangan dan Industri pada 1987.

Pada 1990, nama kementerian itu ditukar kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Rafidah juga adalah wanita pertama yang menjadi Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam

pada 1977 sebelum dilantik ke Kementerian Kewangan.

Rafidah disebut-sebut mungkin ditukarkan ke kementerian lain berikutan isu permit import (AP) kereta, tetapi Perdana Menteri berkata: "Masalah AP bukanlah segala-segalanya yang berkaitan dengan Miti kerana peranan Miti lebih besar."

Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata, isu AP sekarang ini diletakkan di bawah satu jawatankuasa di Jabatan Perdana Menteri yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Ra-

zak dan Rafidah adalah salah seorang anggota jawatankuasa itu.

Mengenai Datuk Seri Adenan Saitem tidak disenaraikan sebagai menteri, Abdullah berkata, Adenan sebelum ini ada menyatakan hasratnya untuk berundur daripada Kabinet untuk membolehkannya berkhidmat sepenuh masa di Sarawak sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Muara Tuang.

Bagaimanapun, Perdana Menteri meminta Adenan memberikan sedikit masa sebelum melepaskannya daripada Kabinet.